

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13 / 8 / 2009

Dr. Mahathir tidak terkejut

um-13/8/2009

PUTRAJAYA 12 Ogos – Pembebasan bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam bukan sesuatu yang mengejutkan, kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kasitah sebaliknya, jelas beliau, menjadi 'mangsa' tindakan beberapa

pihak yang waktu itu terdesak untuk membuktikan bahawa kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi dalam membanteras amalan rasuah termasuk di kalangan menteri Kabinet.

"Saya tak terkejut kerana saya tak fikir beliau bersalah dalam sebarang kes, sebab itu tiada tindakan diambil

ke atasnya semasa pentadbiran saya.

"Saya percaya dalam usaha untuk membuktikan bahawa kerajaan waktu itu tidak mengamalkan diskriminasi untuk memerangi rasuah walaupun di kalangan menteri Kabinet, mereka mengambil keputusan untuk menyiasat," katanya. — BERNAMA